



**UNSUR MAGIS SEBAGAI PROSES KATARSIS
MELALUI GAYA BAHASA PENGARANG
DALAM HIKAYAT PILIHAN
BERDASARKAN MODEL
GTRFK**



AFIDATUL SYAZWANI BINTI AFANDI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



UNSUR MAGIS SEBAGAI PROSES KATARSIS MELALUI GAYA BAHASA
PENGARANG DALAM HIKAYAT PILIHAN BERDASARKAN MODEL GTRFK

AFIDATUL SYAZWANI BINTI AFANDI

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DORTOR FALSFAH


FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپريسي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...14...(hari bulan)...04... (bulan) 2022..

i. Perakuan pelajar:

Saya, **AFIDATUL SYAZWANI BINTI AFANDI, P20172001969, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **UNSUR MAGIS SEBAGAI PROSES KATARSIS MELALUI GAYA BAHASA PENGARANG DALAM HIKAYAT PILIHAN BERDASARKAN MODEL GTRFK** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF. MADYA DR. NORAZIMAH BINTI ZAKARIA** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **UNSUR MAGIS SEBAGAI PROSES KATARSIS MELALUI GAYA BAHASA PENGARANG DALAM HIKAYAT PILIHAN BERDASARKAN MODEL GTRFK** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (SASTERA)**.

Tandatangan Penyelia

Tarikh : 26/5/2022



UPSI/IPS-4/02 31
Pinda 01 m/s:1/1

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: UNSUR MAGIS SEBAGAI PROSES KATARSIS MELALUI GAYA BAHASA PENGARANG
DALAM HIKAYAT PILIHAN BERDASARKAN MODEL GTREK

No. Matrik / Matric's No.: P20172001969
Saya / I: AFDATUL SYAZWANI BINTI AFANDI

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/bedan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 26/5/2022

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Name & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF. MADYA DR. NORAZIMAH ET ZAKARIA
PENYARAH KAJIAN
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** & **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak yang menetapkan kategori tersebut dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

“Bismillahirrahmanirahim”

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang
Alhamdulillahirabbilalamin

Segala puji-pujian hanya kepada Allah S.W.T serta selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W kerana telah memberi kekuatan menyiapkan tesis ini dalam tempoh masa yang ditetapkan. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Mu ya Rabbi kerana memberikan pelbagai bentuk bantuan serta kemudahan dalam usaha menyiapkan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada penyelia Prof. Madya Dr. Norazimah binti Zakaria dan Prof. Madya Dr. Abdul Halim Ali yang banyak memberikan tunjuk ajar, sokongan dan bimbingan menerusi teguran-teguran kritis dalam usaha membina dan menyempurnakan tesis ini. Sekalung penghargaan juga buat suami tercinta Mohammad Syafiq bin Che Hashim tanpa rebah setia disisi menemani perjuangan ini. Terima kasih juga buat anakanda tersayang, Mohammad Harraz Imtiaz bin Mohammad Syafiq kerana selalu menjadi yang ‘paling dekat’ dan peneman paling setia, saksi jatuh bangunnya seorang ibu dalam meraih ilmu. Keluarga tersayang Siti Eashah binti Desa (Mama), Afandi bin Osman (Abah), Afiq Syazwan bin Afandi (Adik), Azieyatul Syazwana binti Afandi (Adik), Ameeratul Nabila binti Afandi (Adik) dan Aizatul Nadhira binti Afandi (Adik). Keluarga mertua Roslini binti Junoh (Ma) dan Che Hashim bin Awang Man (Ayah) yang turut sama membantu memberikan sokongan dan dorongan. Nukilan ini buat kalian sebagai tanda penghargaan sama-sama berjuang menyelesaikan tesis Ijazah Doktor Falsafah ini

Ucapan terima kasih juga, saya tujukan buat rakan-rakan baik saya di UMK, USM dan UPSI yang selalu memberikan motivasi, sangat positif serta menjadi peransang dalam menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga buat seluruh kakitangan akademik dan tenaga penagajar UPSI dan bekas pensyarah yang menjadi penilai semasa proses viva berlangsung. Terima kasih ini saya tujukan juga buat staf Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI, Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM, Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM, Perpustakaan Hamzah Sendut II USM, Perpustakaan UPM, dan Perpustakaan Negara Kuala Lumpur kerana sentiasa memberikan kerjasama yang sangat baik ketika saya dalam usaha mengumpul bahan untuk menyiapkan tesis ini.

Buat anakanda tersayang, adik-adik dan anak-anak didik sekalian jadikan tesis ini sebagai aspirasi kalian dalam usaha menuntut ilmu pengetahuan. Akhir kata, saya berharap dapatan daripada hasil kajian ini merupakan sebuah bentuk penemuan baru dalam bidang kesusasteraan Melayu dan bermanfaat untuk generasi seterusnya. Penemuan ini juga di harap dapat menjadi batu loncatan kepada kajian selanjutnya yang ada hubungkaitnya dengan penyelidikan hikayat dunia Alam Melayu. Akhirul kalam, semoga segala bantuan yang diberikan dalam usaha menyiapkan tesis ini mendapat redha dan keberkatan daripada Ilahi.

Amin, Ya Rabbal Alamin.
Sekian, Terima Kasih.





ABSTRAK

Magis merupakan dogma utama yang mendasari hikayat-hikayat Melayu zaman transisi (Hindu-Islam). Magis ialah gambaran terhadap perkara-perkara luar biasa yang berada di luar kotak pemikiran manusia. Hal ini diterima dalam konteks kebudayaan Melayu tradisi terutama dalam cerita-cerita hikayat Melayu. Walaupun diterima dalam konteks tradisi, unsur magis lebih dianggap suatu perkara yang tidak nyata tanpa mengambil kira fungsi magis dalam memberikan kesan katarsis kepada khalayak. Kajian ini meneliti unsur magis melalui gaya bahasa pengarang berupaya merangsang emosi-emosi tertentu dan memberikan kesan katarsis kepada khalayak. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama, iaitu mengenalpasti unsur magis melalui gaya bahasa pengarang dalam hikayat Melayu pilihan, menganalisis unsur magis berdasarkan gaya bahasa pengarang melalui model GTRFK dan merumuskan kepentingan magis kepada bidang kajian kesusasteraan Melayu tradisional. Kajian ini memusatkan penelitian kepada dua kaedah, iaitu kaedah analisis tekstual dan analisis teoritikal. Kaedah analisis tekstual melibatkan kajian berasaskan teks pilihan kajian, iaitu Hikayat Gul Bakawali (HGB), Hikayat Marakamah (HM) dan Hikayat Indera Nata (HIN). Kaedah analisis teoritikal pula mengaplikasikan satu cadangan teori gabungan, iaitu model GTRFK yang menekankan gaya bahasa pengarang terhadap empat emosi utama yang dominan dalam teks kajian. Emosi yang terlibat, iaitu emosi kasih (EK), emosi sedih (ES), emosi hairan (EH) dan emosi wira (EW). Hasil kajian mendapati bagi menjawab objektif pertama kajian ini terdapat 53 unsur magis yang terdapat pada teks kajian. Seterusnya, 107 unsur magis dikesan melalui penggunaan cadangan model GTRFK yang mengaitkan gaya bahasa pengarang dalam memberikan kesan kelegaan jiwa. Kepentingan unsur magis juga dilihat berdasarkan perspektif psikoterapi masyarakat Melayu yang tinggi nilai imaginatif dan magis sebagai simbol identiti budaya Melayu tradisi. Implikasi daripada kajian ini menunjukkan bahawa gaya bahasa mempunyai peranan penting sebagai peleraikan kepada emosi serta memberikan kesan katarsis. Sebagai rumusan, gaya bahasa pengarang dalam mengungkapkan unsur magis dalam hikayat Melayu berupaya menimbulkan kesan katarsis kepada khalayak.



THE ELEMENTS OF MAGIC AS A CATHARTIC PROCESS VIA THE AUTHOR'S STYLE OF LANGUAGE IN SELECTED TALES BASED ON THE GTRFK MODEL

ABSTRACT

Magic is the main dogma that underlies Malay stories from the transitional period (Hindu-Islam). Magic is a reflection of extraordinary things that exist beyond the boundaries of human thought. This is accepted in the context of traditional Malay culture, especially in Malay *hikayat* stories. Although accepted in the context of tradition, magical elements are considered intangible, without taking into account the magic's function to provide catharsis to the audience. This study examines if the element of magic, through the author's linguistic style, is able to stimulate certain emotions and provide the effect of catharsis to the audience. This study has to achieve three main objectives, namely identifying magical elements through the author's linguistic style in selected Malay *hikayat*, analysing magical elements based on the author's linguistic style through the GTRFK model and summarising magic's importance to the study of traditional Malay literature. This study focuses on two methods, namely textual analysis and theoretical analysis. The textual analysis method involves a study based on selected text, namely *Hikayat Gul Bakawali* (HGB), *Hikayat Marakamah* (HM) and *Hikayat Indera Nata* (HIN). Meanwhile, the theoretical analysis method applies a proposed combined theory, namely the GTRFK model, which emphasises the author's linguistic style on the four dominant emotions in the texts studied. The emotions involved are love emotions (LE), sad emotions (SE), wonder emotions (WE) and heroic emotions (HE). The results of the study found that to answer the first objective of this study, there are 53 magical elements found in the texts studied. Subsequently, 107 magical elements were discovered through the use of the proposed GTRFK model that linked the author's linguistic style to provide an effect of spiritual relief. The importance of magical elements is also seen based on the perspective of psychotherapy, as the Malay community has high imaginative and magical values, which are a symbol of traditional Malay cultural identity. The implication of this study is that the style of language found in the magical element in Malay *hikayat* has a main role in dissolving emotions, as well as giving the effect of catharsis. In summary, the author's linguistic style in expressing magical elements in Malay *hikayat* features certain emotions that are able to cause the effect of catharsis to the audience.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	11
1.3	Pernyataan Masalah	16
1.4	Objektif Kajian	19
1.5	Soalan Kajian	20
1.6	Kepentingan Kajian	20
1.7	Batasan Kajian	23
1.8	Definisi Operasional	23
1.8.1	Unsur	24
1.8.2	Magis	24
1.8.3	Kataris	25
1.8.4	Hikayat	28

1.9	Rumusan	29
-----	---------	----

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	31
2.2	Tinjauan Literatur Berkaitan Unsur Magis	32
2.3	Tinjaun Literatur Berkaitan Hikayat Melayu Zaman Peralihan	36
2.4	Tinjauan Literatur Berkaitan Bahasa	40
2.5	Tinjauan Literatur Berkaitan Emosi	50
2.6	Tinjauan Literatur Berkaitan Konsep Keindahan	54
2.7	Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Rasa Fenomenologi	63
2.8	Tinjauan Literatur Berkaitan Katarsis	65
2.9	Rumusan	69

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	71
3.2	Kerangka Rekabentuk Kajian	74
3.2.1	Kaedah Kepustakaan	75
3.2.2	Kaedah Analisis Tekstual	76
3.3	Prosedur Pengumpulan Data	77
3.4	Instrumen Kajian	78
3.5	Kaedah Analisis Data	81
3.5.1	Analisis Struktural	81
3.5.2	Analisis Teoritikal	82
3.6	Rumusan	82

BAB 4 ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	84
4.2	Unsur Magis Melalui Gaya Bahasa Pengarang dalam Hikayat Gul Bakawali	91
4.3	Unsur Magis Melalui Gaya Bahasa Pengarang dalam Hikayat Marakarmah	114
4.4	Unsur Magis Melalui Gaya Bahasa Pengarang dalam Hikayat Indera Nata	134
4.5	Rumusan	190

BAB 5 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	192
5.2	Model GTRFK	204
5.3	Aplikasi Model GTRFK dalam Hikayat Gul Bakawali	210
5.4	Aplikasi Model GTRFK dalam Hikayat Marakarmah	256
5.5	Aplikasi Model GTRFK dalam Hikayat Indera Nata	300
5.6	Rumusan	336

BAB 6 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

6.1	Pengenalan	338
6.2	Kepentingan Magis kepada Bidang Kesusasteraan Melayu Tradisional	339
6.2.1	Psikoterapi	339
6.2.2	Imaginatif	342
6.2.3	Identiti Budaya	343
6.3	Rumusan	345

BAB 7 KESIMPULAN DAN CADANGAN

7.1	Pengenalan	346
7.2	Perbincangan	347
7.3	Implikasi Kajian	300
7.4	Saranan dan Cadangan	353
7.5	Rumusan	354
RUJUKAN		355



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Senarai Semak Unsur Magis dalam HGB	79
3.2 Senarai Semak Unsur Magis dalam HM	79
3.3 Senarai Semak Unsur Magis dalam HIN	79
3.4 Senarai Semak Hubungkait Bahasa Emosi, Keindahan dan Katarsis	80
4.1 Senarai Unsur Magis dalam HGB	91
4.2 Senarai Unsur Magis dalam HM	114
4.3 Senarai Unsur Magis dalam HIN	134
4.4 Hasil Analisis Peristiwa Magis HGB, HM dan HIN	161
4.5 Senarai Unsur Magis dan Petikan Peristiwa dalam HGB	168
4.6 Teknik Bahasa dalam HGB	169
4.7 Gaya Bahasa dalam HGB	170
4.8 Stail Bahasa dalam HGB	171
4.9 Senarai Unsur Magis dan Petikan Peristiwa dalam HM	177
4.10 Teknik Bahasa dalam HM	178
4.11 Gaya Bahasa dalam HM	179
4.12 Stail Bahasa dalam HM	180
4.13 Senarai Unsur Magis dan Petikan Peristiwa dalam HIN	187
4.14 Teknik Bahasa dalam HIN	188
4.15 Gaya Bahasa dalam HIN	189
4.16 Stail Bahasa dalam HIN	190
5.1 Gaya Bahasa Emosi Kasih dalam HGB	211
5.2 Gaya Bahasa Emosi Sedih dalam HGB	224

5.3	Gaya Bahasa Emosi Hairan dalam HGB	231
5.4	Gaya Bahasa Emosi Wira dalam HGB	244
5.5	Gaya Bahasa Emosi Kasih dalam HM	256
5.6	Gaya Bahasa Emosi Sedih dalam HM	257
5.7	Gaya Bahasa Emosi Hairan dalam HM	277
5.8	Gaya Bahasa Emosi Wira dalam HM	288
5.9	Gaya Bahasa Emosi Kasih dalam HIN	300
5.10	Gaya Bahasa Emosi Sedih dalam HIN	309
5.11	Gaya Bahasa Emosi Hairan dalam HIN	319
5.12	Gaya Bahasa Emosi Wira dalam HIN	325



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Rekabentuk Kajian	74
3.2 Prosedur Pengumpulan Data	77
5.1 Kategori Sastera Melayu Tradisional	201
5.2 Model GTRFK	204
5.3 Proses Kelegaan Jiwa Berdasarkan Model GTRFK	207
5.4 Unsur Magis dan Kesan Kelegaan Jiwa	208
5.5 Hasil Analisis Unsur Magis Berdasarkan Model GTRFK	326



SENARAI SINGKATAN

EH	Emosi Harian
EK	Emosi Kasih
ES	Emosi Sedih
EW	Emosi Wira
GB	Gaya Bahasa
GTRFK	Gabungan Teori Rasa Fenomenologi dan Keindahan
H1	Hikayat Satu
H2	Hikayat Dua
H3	Hikayat Tiga
HGB	Hikayat Gul Bakawali
HIN	Hikayat Inderanata
HM	Hikayat Marakarmah
KKJ	Kesan Kelegaan Jiwa
KTS	Katarsis
MGS	Magis
SK	Sfera Keindahan
SL	Stail Bahasa
TB	Teknik Bahasa
TRF	Teori Rasa Fenomenologi

BAB 1

PENDAHULUAN

Magis merupakan perkara luar biasa yang mewarnai kehidupan dunia Melayu sejak dari azali lagi. Istilah magis di dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *magic* atau lebih tepat lagi merujuk perkataan ‘sakti’ yang lazimnya dikaitkan dengan hal ehwal yang menentang kebiasaan manusia normal. Robert L. Winzeler (1983) dalam artikel *The Study of Malay Magic* menerangkan komponen terbesar hasil kesusasteraan yang wujud sekitar abad ke-19 yang melibatkan aspek kepercayaan, ritual dan keraian masyarakat Melayu semenanjung diistilahkan sebagai ‘magis’. *The notion of magic is certainly implied by the common traditional Malay use of ilmu to refer to esoteric knowledge involving supernatural power, and in the various concept Malays use for charms, divination, lore, medicine and so forth.*



Magis adalah suatu sistem untuk memahami dunia secara keseluruhan. Pemahaman dunia secara keseluruhan ini menyentuh aspek kepercayaan sesebuah masyarakat yang melibatkan pemikiran, falsafah dan kebudayaan sesebuah bangsa. Sebagai bukti, Micheal D. Bailey (2006) dalam artikelnya yang berjudul *The Meanings of Magic* menjelaskan *magic might be said to comprise, or at least describe a system for comprehending the entire world... As part of such a powerful triad, magic appears central to human culture, and the study of the forms of magic that are accepted, practiced, or condemned in any society is necessary for a full understanding of that society*. Pemahaman tentang magis dalam sesebuah masyarakat amat berkaitan dengan pemahaman terhadap corak kepercayaan yang terdapat dalam masyarakat tersebut.

Magis juga sinonim dengan istilah supernatural. Supernatural ialah kombinasi antara perkataan super yang membawa maksud lebih berkuasa dan natural yang membawa maksud bersifat semula jadi dan alamiah (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Roger Ivar Lohmann (2003) menerangkan *all humans seem to sense a supernatural realm, yet we are unable to detect it scientifically. It is an imagined dimension where volition can exist without brains and control the physical world*. Kenyataan Roger Ivar Lohmann ini mengukuhkan maksud supernatural sebagai sesuatu aspek yang berada di luar kotak pemikiran manusia biasa dan memerlukan daya imaginasi yang tinggi serta tidak meletakkan kaedah saintifik sebagai kayu ukur dalam menerangkan sesuatu peristiwa.



Magis yang menyentuh aspek supernatural ini membentuk suatu kepercayaan kuno yang dikenali sebagai animisme. Animisme ialah suatu bentuk kepercayaan primitif. Animisme juga merupakan bentuk kepercayaan tertua yang menjadi asas kepada pembentukan agama-agama dunia. Istilah animisme berasal daripada bidang antropologi yang merujuk kepada kepercayaan masyarakat purba atau primitif. Definisi animisme menurut etimologi berasal daripada *animaus* atau *anima* dalam bahasa Latin yang bermaksud jiwa, roh atau kehidupan manakala dari sudut terminologi pula animisme adalah kepercayaan setiap yang wujud di muka bumi seperti angin, kayu dan batu mempunyai jiwa atau roh (Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir, Muhammad Syafee Salihin Hasan & Ishak bin Haji Suliaman, 2016). Kepercayaan terhadap kekuatan alam melibatkan campuran fahaman dinamisme, animisme dan totemisme yang batil sebelum kedatangan ajaran Hindu-Budha (Hamka dalam Faisal Tehrani, 2010).

Kepercayaan animisme bermula dengan kepercayaan kepada suatu kuasa atau semangat yang dianggap sakral, iaitu suci. Sakral ialah berkaitan dengan perkara suci (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Komponen alam yang terdiri daripada unsur flora dan fauna dipuja kerana manusia animisme menganggap benda tersebut mempunyai roh atau jiwa. Oleh yang demikian, roh atau jiwa tersebut mesti dihormati agar tidak mengganggu kehidupan manusia. Roh atau jiwa yang terdapat pada benda atau objek ini mempunyai kuasa yang boleh menyelamatkan mereka daripada sebarang bentuk musibah dan juga berupaya mendatangkan keharmonian dan keuntungan yang besar dalam kehidupan. Sebagai contoh, manusia primitif yang mengamalkan kepercayaan animisme memuja semangat alam seperti padi untuk mendapatkan hasil tanaman dan untuk memperolehi hasil laut. Masyarakat yang menganut kepercayaan animisme menyembah pokok, cahaya, batu-batuan besar untuk memohon perlindungan



dan meletakkan kebergantungan sepenuhnya terhadap unsur alam. Masyarakat yang mempercayai kepercayaan animisme ini juga kaya dengan pantang-larang dan mempunyai pegangan tertentu.

Tambahan pula, manusia primitif berpegang pada suatu konsep kepercayaan terhadap kuasa ghaib yang mempunyai jiwa dalam mengawal kehidupan mereka. Orang tua-tua Melayu pernah berpesan ‘bersama alam manusia hidup dan tenggelam’ (Salinah Jaafar, 2017). Masyarakat Melayu tradisional melihat alam sebagai sumber yang mengandungi pelbagai makna. Tafsiran terhadap alam boleh dijadikan pedoman, panduan dan ajaran serta pembimbing dalam menguruskan kehidupan. ‘Alam terkembang menjadi guru’ dalam pepatah Melayu Minangkabau pula menjadikan alam sebagai ajaran dan falsafah hidup. Masyarakat Melayu melihat alam sebagai sesuatu yang amat rapat dengan jiwa dan hati nurani. Alam sebagai perlambangan untuk membersihkan hati dan jiwa. Penggunaan unsur alam dalam tamsilan, pepatah, kiasan merupakan pemaparan alam sebagai unsur tertinggi dalam masyarakat Melayu.

Manusia primitif yang mengamalkan kepercayaan berkaitan unsur alam ini percaya terhadap semangat yang terdapat pada sekeliling mereka. Semangat ini tidak dapat dilihat dengan pancaindera namun semangat tersebut mampu membuat perkara yang tidak boleh dilakukan oleh manusia biasa. Semangat yang mempunyai jiwa tersebut mendapat tempat dalam kehidupan manusia sehingga menjadi objek penghormatan dan penyembahan diiringi dengan ritual seperti doa, sajian dan korban (Nengah Aryanatha, 2018). Manusia awal hidup dalam suasana primitif dan telah melalui pelbagai kejadian dan fenomena alam yang dianggap misteri dalam kehidupan mereka. Minda dan pemikiran manusia pada waktu itu telah dapat membayangkan





suatu kuasa ghaib yang menyebabkan segala kejadian itu berlaku. Masyarakat pada zaman tersebut meyakini kewujudan kuasa ghaib itu dan telah membina satu bentuk kepercayaan yang boleh menjadi rangka dan petunjuk dalam mengawal institusi sosial masyarakat pada waktu tersebut (Maizura Osman dan Nor Hashimah Jalaludin, 2013).

Unsur-unsur magis yang luar biasa sifatnya ini boleh diteliti menerusi prosa-prosa yang lahir pada zaman sintesis terutamanya hikayat-hikayat Melayu yang menerima pengaruh Hindu-Islam. Antara kebudayaan yang dianggap penting dalam perbincangan mengenai Alam Melayu serta menjadi tarikan kepada ramai pengkaji ialah pengaruh Hindu dan Islam yang terdapat dalam karya kesusasteraan (Mohd Farhan Abdul Rahman, 2020). Hikayat-hikayat Melayu yang mendapat pengaruh Hindu-Islam ini pada awalnya lahir dalam konteks lisan. Hikayat-hikayat ini memerikan watak utama ialah putera raja rupawan yang mencari puteri kayangan menempuh pelbagai cabaran dan pada akhirnya mendapat kebahagiaan yang berkekalan. Unsur-unsur luar biasa yang diselitkan di dalam karya atau diistilahkan sebagai magis ini tiada pada citra masyarakat biasa namun objektifnya jelas adalah untuk mengangkat kewibawaan institusi beraja.

Hikayat-hikayat yang lahir pada zaman sintesis ini pada asalnya adalah dalam bentuk lisan dan disampaikan kepada masyarakat melalui hafalan cerita secara turun-temurun. Setelah ada bentuk tulisan, cerita-cerita lisan ini dibukukan dalam bentuk hikayat menggunakan tulisan jawi. Cerita lisan yang dibukukan ke dalam bentuk tulisan ini mengambil gambaran istana kerana tradisi tulisan hanya tertumpu di keraton atau istana raja-raja. Aksara jawi disebarikan oleh kaum bangsawan dalam lingkungan istana. Kaum bangsawan atau pujangga istana ini mempelajari tulisan jawi dan bahasa Arab





daripada pedagang-pedagang Arab-Parsi yang datang ke Alam Melayu untuk tujuan berdagang dan menyampaikan ajaran Islam.

Zaman transisi atau zaman sintesis sebagai zaman penghasilan karya kesusasteraan yang menggambarkan tanda peralihan dari kesusasteraan tradisional kepada zaman kesusasteraan moden (Skinner yang dipetik dalam Siti Hawa Haji Salleh (1997). Pandangan ini sebenarnya bertentangan dengan pandangan Mohd Khalid Taib dan Noriah Taslim yang merujuk zaman transisi atau zaman sintesis sebagai zaman peralihan sastera lisan kepada sastera tulisan. Windstedt (1996) pula tampil mengemukakan pandangan beliau tentang zaman transisi sebagai zaman penyesuaian atau peralihan antara zaman sastera berunsur Hindu dengan zaman sastera berunsur Islam. Penyesuaian yang dimaksudkan ialah dengan memberi laluan kepada karya yang mempunyai pengaruh Hindu memasukkan unsur-unsur Islam ke dalamnya. Nor Anita Mat Isa (2018), bangsa Melayu dalam karya kesusasteraan klasik melalui tiga fasa kepercayaan keagamaan bermula dengan Animisme, Hindu-Buddha dan Islam. Karya klasik mengalami proses sintesis yang memperlihatkan hubungan timbal balik pengaruh Hindu-Islam. Kedatangan Islam ke Nusantara sejak abad ke-13 Masihi tidak menghapuskan kebudayaan Hindu secara sepenuhnya tetapi telah mewujudkan sistem kepercayaan dan kebudayaan baharu di Alam Melayu. Bagi kajian ini, takrifan zaman transisi atau zaman sintesis merujuk pada pandangan Windstedt.

Genre prosa hikayat yang terdapat pada zaman sintesis ini dikaitkan dengan istilah lain yang disebut sebagai marchen. Marchen adalah istilah untuk cerita rakyat Jerman. *A German fairy tales. It may be simple folk tale the sort collected by Wilhelm and Jacob Grimm, known as the volksmarchen, or it may be shorted allegory laid in*





fantastic realm (Holman dalam Othman Daya, 2006). The New Encyclopedia Britanica (1974) *But better known perhaps are the ordinary folktales that deal with human beings and their adventures. For these tales, usually laid in imaginative time and place-a never-never land-and filled with unrealistic and supernatural creatures, there exists no English word so that, usually scholars use the German term marchen.* Istilah marchen merujuk kepada roman. Roman berasal daripada istilah Perancis iaitu romanz. Roman juga merujuk perkataan Latin *Lingua Romana* yang bermaksud semua karya sastra daripada golongan rakyat biasa. Roman juga disebut sebagai fiksi yang bererti sebuah cerita khayalan atau rekaan. Hal ini bermaksud, roman ialah sebuah karya gambaran dunia yang diciptakan oleh pengarang yang di dalamnya menampilkan keseluruhan hidup seorang tokoh berserta permasalahannya terutama dalam perhubungan dan kehidupan sosialnya. Perbezaan antara hikayat romantik klasik Melayu dengan novel moden ialah hakikat tentang hikayat-hikayat itu mengandungi hal-hal yang tidak mungkin dan kurang masuk akal daripada cerita yang di paparkan.

Hal ini sangat bertepatan dengan fungsi marchen yang lebih cenderung kepada hiburan melalui keindahan dunia ajaib dengan para puteri yang rupawan serta keindahan kota dan kenikmatan hidup para bangsawan. Fungsi ini merupakan suatu bentuk pelarian atau *escapism* kehidupan dalam dunia nyata yang penuh kesulitan, penganiayaan dan penderitaan. Noriah Taslim (2006) dalam 'Kepercayaan dan Perubahan Tanggapan Terhadap Alam Istana: daripada Animisme ke Islam' menerangkan lipur lara perlu meletakkan naratifnya secara keseluruhan dalam latar sekunder dunia fantasi kerana hanya dalam dimensi latar yang begini segala yang mustahil mengikut ukuran kemunasabahan dunia primer menjadi mungkin. Dunia fantasi memungkinkan segala yang baik dan luhur mendapat kemenangan. Suatu kuasa





yang diistilahkan sebagai magis membentuk peristiwa dan mampu menyelesaikan sebarang masalah serta konflik.

Pemilihan ketiga-tiga teks kajian ini boleh dikategorikan sebagai marchen, iaitu genre sastera roman kerana lebih memenuhi tuntutan hiburan berbanding dengan sesuatu yang dipercayai benar-benar berlaku di dalam sesebuah masyarakat. Unsur magis dianalisis berdasarkan jalinan peristiwa-peristiwa yang terdapat di dalam ketiga-tiga teks yang dikategorikan sebagai romans ini berupaya merangsang emosi yang akan memberikan kesan kelegaan jiwa (katarsis) kepada khalayak yang menikmati naratif genre hikayat ini. A. Kettles (1995) menyebut katarsis sebagai *a process that relieves tension and anxiety by expressing emotions; emotions that have been hidden, restrained or unconscious...Catharsis is a necessary condition for therapeutic change*. Unsur magis ini diolah dengan begitu sempurna dalam hikayat Melayu tradisional oleh pengarang tradisi kerana pada waktu itu masyarakat Melayu khususnya rakyat jelata tiada unsur hiburan lain bagi menyalurkan kegelisahan dan keluhan terhadap tekanan kehidupan harian mereka selain daripada mendengar cerita-cerita lisan yang disampaikan oleh penglipur lara.

Unsur magis yang memberikan kesan katarsis ini diteliti menerusi penggunaan gaya bahasa pengarang yang menampilkan emosi-emosi yang khusus. Emosi-emosi ini akan mengalami proses transformasi, iaitu suatu bentuk peleraian emosi melalui penggunaan gaya bahasa pengarang yang bersifat intuitif. *Emotion is a primary signalling system that communicates intention and regulates interaction. Emotion thus regulates self and other, and give life much of its meaning* (Greenberg, L.S., 2004). Gaya bahasa pengarang memainkan peranan yang penting dalam proses peleraian





emosi khalayak. Hal ini kerana, sesebuah idealisme dan corak kepengarangan dalam karya kesusasteraan dikenali serta ditentukan melalui gaya bahasa pengarang. Mana Sikana (2003), gaya bahasa pengarang atau kajian berkaitan penggunaan *style* atau stilistik ini merujuk kepada kajian berpusatkan bahasa yang menekankan keberhasilan pengolahan bahasa yang sesuai sebagai penerapan karya kreatif yang bersifat imaginatif, figuratif, sindiran dan memiliki unsur estetik. Keunikan karya sastera berbanding genre lain ialah karya sastera memiliki ciri khas, iaitu karya sastera mempunyai sistem bahasa yang indah. Pengarang karya sastera memiliki '*licentia poetarum*', iaitu kebebasan dalam penggunaan bahasa. Kedinamikan pengolahan bahasa yang indah ini melahirkan gambaran emosi-emosi yang boleh memberikan kesan kelegaan jiwa.



pemilihan bahasa yang disampaikan oleh pengarang tradisi dalam menentukan emosi khalayak yang boleh memberikan kesan kelegaan jiwa. Bahasa merupakan medium yang penting dalam pelaksanaan jaringan komunikasi baik secara lisan mahupun bukan lisan (Saifulazry Mokhtar (et.) (al.), 2021). Bukan bidang psikologi sahaja yang mampu mencorakkan emosi individu walhal bidang bahasa dan linguistik yang terdapat dalam karya kesusasteraan juga mampu mengarah emosi pembaca dalam penggunaan bahasa yang dilontarkan (Mary Fatimah Subet, 2017). Hal ini kerana, umum mengetahui bahawa bahasa merupakan aspek yang penting dalam pengukuran kepada tahap ketamadunan sesebuah bangsa. Bangsa yang hebat serta bertamadun memiliki suatu sistem bahasa yang sistematik. Pengukuran kepada tahap perkembangan sesebuah ketamadunan dalam sesuatu bangsa diukur melalui perkembangan bahasa dan kesusasteraan (Md. Zahiril Nizam Md. Yusof (et.) (al.), 2020). Wacana teks Melayu





klasik, iaitu hikayat-hikayat Melayu merupakan khazanah yang sangat berharga dan kaya kepada khalayak. Kelahiran sesebuah teks sastera tidak hanya tertumpu kepada perspektif sosiologi manusia sahaja bahkan melangkaui korpus pengetahuan linguistik dan kebahasaan terutama aspek stilistik yang dieksploitasi pengarang mengikut perkembangan sebuah zaman.

Model GTRFK ialah singkatan kepada kombinasi daripada penggabungan dua teori, iaitu Teori Rasa Fenemologi dan Pendekatan Keindahan. Teori Rasa Fenomenologi oleh Sohaimi Abdul Aziz digabungkan dengan pendekatan keindahan Braginsky. Kombinasi kedua-dua teori dalam dua cabang bidang kesusasteraan yang melibatkan kesusasteraan moden dan kesusasteraan tradisional ini melahirkan cadangan model GTRFK. Model GTRFK ini menekankan penggunaan gaya bahasa pengarang hanya kepada empat emosi dominan daripada lapan emosi yang terdapat dalam teori rasa fenomenologi dikaitkan dengan pendekatan keindahan Braginsky yang memfokuskan aspek keindahan dalam hikayat Melayu tradisional. Penggunaan gaya bahasa pengarang yang khusus dalam mengungkapkan perihal berkaitan unsur magis dalam teks kajian boleh membantu meleraikan emosi khalayak serta memberikan keindahan dan kesan kelegaan jiwa.

Sebagai rumusan, unsur magis yang terdapat dalam naratif lisan seperti hikayat Melayu tradisional ini sebenarnya mempunyai matlamat yang khusus. Umum mengetahui, pengarang Melayu tradisional yang memiliki kebijaksanaan dan terikat dengan kepengarangan norma tradisi ini tidak melaksanakan sesuatu tanpa ada tujuan yang jelas. Pengarang memiliki tanggungjawab dalam menyempurnakan tarbiah yakni didikan dalam bentuk tausiah iaitu nasihat kepada manusia melalui bancuhan karya



bagi mewarnakan jalur khazanah Melayu dengan tertib, beradab dan intelektual (Kamariah Kamarudin, 2009). Unsur magis dalam hikayat-hikayat Melayu memusatkan penelitian kepada aspek keindahan emosi juga berupaya memberikan kesan kelegaan jiwa kepada khalayak menerusi penampilan keindahan gaya bahasanya yang bersifat figuratif, pemilihan diksi yang bersifat imaginatif serta sarat dengan penyampaian mesej yang kaya dengan unsur didaktik sebagai panduan kepada khalayak.

1.2 Latar Belakang Kajian

Magis merupakan hal yang mendasari penceritaan hikayat zaman peralihan. Zaman peralihan ini dikenali sebagai zaman sintesis, iaitu suatu zaman yang mempamerkan peralihan kepercayaan Hindu kepada Islam. Perubahan-perubahan kepercayaan, budaya, falsafah dalam kebudayaan tradisi ini ditonjolkan menerusi karya-karya kesusasteraan yang bercorak hikayat. Kedatangan Islam telah menghadiahkan tulisan jawi sebagai permulaan kepada tradisi persuratan atau literasi di Alam Melayu. Karya-karya dalam bahasa Sanskrit telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu menggunakan tulisan jawi. Literasi ini membolehkan karya-karya dibaca oleh ramai orang.

Pengarang Melayu telah mengubahsuai jalan cerita mengikut kesesuaian tuntutan agama Islam. Karya-karya tersebut mengalami percampuran antara pengaruh Hindu dan Islam. Hal ini yang mendorong karya tersebut ditakrifkan kepada sastera hikayat berunsur Hindu-Islam. Terdapat dua nama lain yang merujuk kepada hikayat



Melayu yang mempunyai pengaruh Hindu-Islam, iaitu sastra zaman peralihan atau sastra zaman transisi (Harun Jaafar, 2004). Genre sintesis ialah karya sastra yang memperlihatkan timbal balik pengaruh Hindu-Islam kerana ditulis dalam latar istana yang masih kuat pemikiran Hindu (Norazimah Zakaria, 2005). Konsep kepercayaan kepada hal yang luar biasa ini diterima dan menjadi intipati utama dalam karya bercorak hikayat. Fungsi karya hikayat bermatlamat ‘menghiburkan’, ‘melipurkan’ atau ‘menyukakan’ khalayak.

Bermula dengan kepercayaan terhadap setiap benda mempunyai jiwa dalam kepercayaan primitif yang disebut animisme, manusia dunia Alam Melayu mula menerima konsep berkaitan dengan hal-hal yang tidak boleh ditangkap oleh pancaindera serta bersifat luaran yang diketengahkan dalam ajaran Hindu-Buddha seperti karma, moksha, samsara dan devaraja. Puteh Noraihan Abdul Rahman dan Zahir Ahmad (2017), pengaruh Hindu-Buddha yang disebarkan melalui golongan Brahman dan pedagang membawa kepada kultus baharu yang dipanggil sebagai dewa-raja. Kultus bermaksud penitisan dewa-dewi ke atas raja melibatkan aspek penjelmaan (*reincarnation*) dan inkarnasi (*incarnation*). Dorongan terhadap ideologi yang dibawa dalam kosmologi Hindu ini mengubah cara hidup dan pandangan semesta orang Melayu kepada pemerintah yang merupakan penjelmaan atau bayangan tuhan.

Perkara-perkara ini walaupun tidak boleh dibayangi dengan mata kasar, namun hakikat kewujudan perkara seperti ini dipercayai oleh penganutnya. Perubahan konsep-konsep ini turut diubah suai setelah kedatangan agama Islam. Ajaran Islam turut menekankan tentang sesuatu perkara yang tidak dapat dizahirkan dengan pandangan mata kasar seperti syurga, neraka, mizan, malaikat, jin, iblis, sirat, pahala dan dosa.





Kedua-dua konsep berlandaskan dua pegangan ini terdapat dalam corak kepercayaan dan pemikiran manusia Alam Melayu walaupun berbeza dari sudut pengistilahan namun masih menekankan konsep kepercayaan kepada perkara-perkara yang tidak boleh ditancap oleh pancaindera. Manusia mengekspresikan nilai-nilai, idea-idea, cita-cita serta pegangan melalui karya seni seperti seni sastra. Pengalaman manusia disampaikan menerusi bahasa-bahasa yang simbolik. Karya sastra berupaya mengungkapkan makna yang hakiki menggunakan kepekaan perasaan estetis yang tinggi. Hal ini yang dimanifestasi oleh pengarang sastra tradisi dalam karya sastra bercorak hikayat. Keindahan dalam membayang dan keunikan kepercayaan kepada hal-hal yang tidak nyata ini dieksploitasi dan menjadi tarikan utama kepada naluri dan kejiwaan manusia (Sahril, 2007).



keindahan dan memberikan kesan kelegaan jiwa ini dilihat berdasarkan cadangan model GTRFK, iaitu singkatan kepada model gabungan Teori Rasa Fenomenologi dan Pendekatan Keindahan Braginsky. Model ini menekankan kepada penggunaan aspek bahasa khususnya gaya bahasa dalam menampilkan kesan kelegaan jiwa. Peleraian kepada emosi khalayak tradisi ini ditonjolkan dengan penggunaan gaya bahasa tertentu melalui peristiwa magis yang terdapat dalam hikayat-hikayat Melayu zaman sintesis. Bahasa sama ada berbentuk lisan atau tulisan berfungsi untuk menyampaikan atau mengekspresikan emosi. Bahasa emosi terbahagi kepada dua, iaitu ekspresif dan deskriptif. Bahasa emosi ekspresif digunakan untuk menyatakan emosi manakala bahasa emosi deskriptif ialah bahasa yang digunakan untuk menghuraikan emosi (Nor Hashimah Jalaluddin, 2018).



Unsur magis yang memberikan kesan kelegaan jiwa ini menekankan penggunaan bahasa sebagai medium kepada proses peleraian emosi. Penekanan kepada aspek bahasa dalam karya kesusasteraan diteliti menerusi penggunaan bahasa yang terdapat dalam bidang stilistik. Berdasarkan Kamus Besar Bahasa Indonesia (1988), stilistik ialah ilmu tentang penggunaan bahasa dan gaya bahasa dalam karya sastra. Bidang ilmu stilistika ialah bidang kajian yang berasaskan gaya bahasa. Stilistik berasal daripada bahasa Inggeris, iaitu *style* dan *linguistic*, iaitu tatabahasa (Antilan Purba, 2009). Istilah stilistik berasal daripada dua perkataan *style* dan *ics*. *Style* ialah pengarang yang mempunyai gaya bahasa yang baik dan *ics* merujuk kepada ilmu, kajian dan telah (Faezah Muhayat dan Nik Rafidah dan Nik Muhammad Affendi, 2014). Karya sastra merupakan karya imaginatif yang lazimnya mengandungi ekspresi bahasa dengan fungsi estetikanya yang dominan. Bahasa sastra dimanfaatkan untuk mencapai fungsi estetik (Ali Imron Al-Ma'ruf, 2016). Stilistik ilmu tentang stail dan gaya yang dihubungkan dengan pemikiran dan penggunaan bahasa (Mohd Khairul Adenan (et.) (al.), 2018). Bidang stilistik mempamerkan kebolehan pengarang menggunakan bahasa sebagai alat untuk mengungkapkan pemikiran yang bersifat imaginatif, figuratif, simbolik dan memiliki unsur estetika. Gaya bahasa yang diimplementasikan dalam karya sastra merupakan penampilan kepada kecekapan olahan fikiran dan bahasa pengarang yang disampaikan secara emotif melalui medium penulisan karya kepada khalayak (Md Zahril Nizam Md Yusoff (et.) (al.), (2020).

Kajian kepada aspek gaya bahasa ini memberi kesan yang sempurna menerusi unsur keindahan yang ditampilkan sekaligus memberikan kesan rasa lega kepada kejiwaan manusia. Gaya bahasa memainkan peranan yang penting dan dianggap sebagai nadi yang menghidupkan sesebuah karya kreatif (Nik Hassan Basri Nik Ab



Kadir, 2005). Kajian bahasa ini melibatkan aspek teknik bahasa, iaitu dialog, monolog dan imbas kembali, gaya bahasa seperti hiperbola, metafora, hiperbola dan personifikasi serta menggunakan stail bahasa sastera. Ketiga-tiga aspek, iaitu teknik bahasa, gaya bahasa dan stail bahasa dalam kajian stilistika ini mampu memperlihatkan keindahan, iaitu estetika dan kepuitisan dalam genre hikayat Melayu. Pemilihan diksi yang terdapat dalam karya merangsang empat emosi dominan, iaitu rasa suka, duka, hairan dan bertenaga yang terdapat dalam karya pilihan. Keseimbangan olahan emosi ini menampilkan sesuatu yang disifatkan sebagai 'lega' dalam karya sastera hikayat. Proses kelegaan jiwa ini dikaitkan dengan penggunaan istilah katarsis dalam bidang psikologi. Jiwa secara harafiah atau maknanya merujuk kepada unsur rohani. Rohani atau dalaman manusia ini bersifat abadi. Komponen rohani terdiri daripada roh, akal, dan perasaan (emosi). Emosi yang seimbang melahirkan manusia yang ideal. Penciptaan karya sastera adalah untuk membentuk manusia yang seimbang daripada sudut emosi dan pemikiran. Manusia yang memiliki emosi yang seimbang daripada sudut dalaman dan kejiwaan akan melaksanakan pertimbangan yang wajar dan rasional.

Unsur magis yang dimasukkan dalam karya bertujuan menyukakan khalayak dan memberi kesan keseronokkan dalam jiwa khalayak yang dirundung derita. Unsur magis ini diadun dengan sempurna oleh pengarang tradisi dalam hikayat Melayu supaya memenuhi fungsi karya sastera sebagai hiburan kepada masyarakat Melayu tradisi. Unsur hiburan itu pula disifatkan sebagai unsur yang sementara, menyentuh hal dunia yang memberikan kesan kelegaan kepada pancaindera dalam jangka waktu yang singkat supaya masyarakat Melayu tradisi melupakan serta membantu meleraikan tekanan emosi ketika berada dalam kesusahan dan penderitaan hidup. Rangsangan emosi ini merupakan proses terapi yang alami (natural) sifatnya kerana karya sastera begitu





dekat dengan kehidupan manusia dan naluri serta emosi yang ditampilkan juga bersifat universal. Hal yang membezakan manusia dengan perkara lain ialah emosi. Emosi ialah objek statik dan bersifat universal yang dimiliki oleh manusia dari dahulu sehingga sekarang. Oleh yang demikian, ransangan emosi yang seimbang perlu dalam karya sastra seiring dengan pembentukan manusia yang berjiwa.

Konklusinya, kajian ini menumpukan kepada unsur magis yang terdapat dalam tiga teks hikayat pilihan dengan memfokuskan kepada penggunaan bahasa dalam cadangan model GTRFK yang menonjolkan emosi tertentu dan berupaya memberikan kesan kelegaan jiwa. Antara teks yang digunakan dalam kajian ini ialah Hikayat Gul Bakawali, Hikayat Si Miskin dan Hikayat Indera Nata. Ketiga-tiga teks ini dipilih dalam kajian ini berdasarkan faktor kelahiran dalam lingkungan periodisasi yang sama, iaitu pada zaman peralihan sekitar abad ke-19 dan hikayat-hikayat ini tidak terkecuali daripada menerima pengaruh Hindu-Buddha serta Islam. Kedatangan agama Islam ke Alam Melayu tidak menghapuskan kebudayaan Hindu secara total. Jalinan penceritaan yang memerihalkan unsur magis dari aspek kepercayaan, falsafah dan budaya masyarakat Melayu ditampilkan menerusi jalinan peristiwa-peristiwa yang terdapat dalam hikayat-hikayat ini menggambarkan pengaruh Hindu dan Islam yang sangat jelas.



1.3 Pernyataan Masalah

Magis lebih dianggap sebagai perkara yang berbentuk khayalan, dongeng dan bersifat tidak nyata tanpa mengambil kira peranan unsur magis ini sebagai komponen dalam membantu proses kelegaan jiwa (katarsis). Orang Melayu ‘moden’ menganggap hikayat Melayu dahulu kala kebanyakannya cerita ‘dongeng’ tetapi manusia secara realitinya seringkali mencipta fiksiyen bukan sahaja dalam konteks dahulu bahkan pada zaman manusia sudah dikatakan moden, terbuka dan berfikiran saintifik (Hassan Ahmad dalam Anwar Ridhwan (peny.), 2008). Penulis muda juga beranggapan tidak ada satu pun nilai yang boleh didapati dalam hasil-hasil sastera Melayu lama terutama hikayat. Cerita-cerita lama itu terlampau menitikberatkan dongeng-dongeng yang tidak boleh diterima akal dan tidak sesuai mengikut konteks zaman (Syed Husin Ali, 1981).

Pandangan ini sebenarnya bertentangan dengan peranan unsur magis yang dimasukkan di dalam teks hikayat. Hal ini demikian kerana, pengarang Melayu tradisional yang merakamkan korpus pengetahuan tradisi ialah manusia yang memiliki ideologi falsafah dan pemikiran yang tinggi. Setiap satu penciptaan pasti memiliki fungsinya yang tersendiri. Fungsi atau peranan tersebut disadari sama ada secara implisit atau eksplisit. *The role of literature as the medium for creative imagination* (Ruth Finnegan dalam Abdul Latiff Abu Bakar dan Mohd Yusof Hasan (peny.), 2012). Hikayat mempunyai dua fungsi sebagai medium imaginasi fiksiyen dalam konteks penceritaan. Fungsi pertama sebagai proses kreatif yang melibatkan daya pemikiran manusia memahami alam manakala fungsi kedua ialah penciptaan suatu bentuk teknik naratif untuk menyatakan sesuatu secara tidak langsung, kiasan, simbolik dan sebagainya (Hassan Ahmad dalam Anwar Ridhwan (peny.), 2008).



Hikayat-hikayat Melayu tradisional telah bermula lebih awal sebelum penciptaan tulisan dan disampaikan secara lisan (*orality*). Pada peringkat awal, cerita-cerita ini dipertuturkan dan khalayak tradisi menggunakan medium pendengaran sebagai saluran kepada penerimaan naratif jenis ini. Hikayat Melayu yang kaya dengan unsur magis mempunyai peranan yang tersendiri dalam konteks masyarakat tradisional. Kepercayaan tentang wujudnya magis ini dapat dibuktikan oleh cerita-cerita rakyat hampir di seluruh dunia. Teks-teks lama daripada genre yang pelbagai sering memperincikan dengan ghairah sekali peristiwa-peristiwa magis yang muncul untuk membantu wira semasa dalam ancaman; tentang kuasa kreatif magis dapat menampilkan seluruh negeri yang lengkap dengan rakyat, kota dan parit, tentang objek dan senjata sakti yang dapat mengubah rupa manusia, menewaskan musuh, malah seluruh alam sendiri dapat diisihirkan, dan digantung pergerakan waktunya oleh magis (Noriah Taslim, 2006).

Khalayak tradisi menerima unsur magis ini sebagai salah satu bentuk keindahan. Keindahan sesebuah karya sastera Melayu klasik dipercayai boleh mempengaruhi jiwa seseorang, mempunyai kuasa menyembuh dan kesan keindahan yang lebih utama ialah keindahan yang boleh memberikan manfaat kepada khalayak (Braginsky dalam Mohd Affandi Hassan, 2005). Berdasarkan pernyataan ini, keindahan dalam kajian ini berpusatkan penelitian kepada keindahan yang mempunyai kuasa menyembuh emosi, hati dan perasaan khalayak melalui naratif yang disampaikan. Keindahan selalu dihubungkan dengan hati dan perasaan. Keindahan menimbulkan kesan psikologi tertentu bergantung kepada persediaan jiwa seseorang. Bentuk keindahan disampaikan melalui penggunaan gaya bahasa pengarang yang





memenuhi fungsi hiburan selain memberikan kesan kelegaan emosi kepada khalayak. Proses penyembuhan yang mempengaruhi jiwa dalam kajian ini dapat dilihat menerusi perspektif bahasa. Bahasa adalah jiwa dan roh kepada manusia. Bahasa jiwa bangsa dikaitkan dengan jiwa kebangsaan bangsa Melayu. Takrifan jiwa kebangsaan melibatkan unsur jiwa atau fikiran, perasaan dan emosi manusia Melayu yang dibentuk melalui ragam bahasa (Hassan Ahmad, 2016).

Terdapat beberapa jurang pada kajian lepas berkaitan unsur magis. Berdasarkan beberapa tinjauan kajian lepas, kajian sebelum ini lebih menumpukan aspek keindahan dan emosi tanpa mengaitkan keindahan tersebut dengan gaya bahasa pengarang yang boleh merangsang emosi tertentu dan berupaya memberikan kesan kelegaan jiwa. Nordiana Hamzah (2014) dalam tesis yang berjudul *Evolusi Emosi Novel Zaharah Nawawi* memberikan pemberatan kepada aspek emosi dan kesan keindahan dalam teks kesusasteraan moden. Hairul Anuar Harun (2017) juga dalam tesis yang berjudul *Estetika Kerohanian dalam Seni Kata Lagu S. Amin Shahab* menekankan hubung kait aspek emosi dan keindahan yang dilihat dalam seni kata lagu. Berdasarkan dua tinjauan tesis ini menunjukkan aspek emosi dan keindahan sebenarnya banyak dibincangkan namun kedua-dua tesis ini tidak memfokuskan kepada penggunaan gaya bahasa pengarang dalam hikayat Melayu yang dapat memberikan kesan kelegaan jiwa bagi khalayak Melayu tradisional.

Rumusan daripada permasalahan kajian ini, terdapat tiga objektif dan tiga persoalan utama yang perlu di kaji.





1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Mengenal pasti unsur magis melalui gaya bahasa pengarang dalam hikayat

Melayu pilihan.

1.4.2 Menganalisis unsur magis melalui gaya bahasa pengarang melalui model

GTRFK.

1.4.3 Merumuskan kepentingan magis kepada bidang kajian kesusasteraan

Melayu Tradisional.

1.5 Persoalan Kajian

1.5.1 Apakah unsur magis melalui gaya bahasa pengarang dalam hikayat

Melayu pilihan?

1.5.2 Bagaimanakah unsur magis melalui gaya bahasa pengarang dianalisis

menggunakan model GTRFK?

1.5.3 Sejauh manakah kepentingan unsur magis kepada bidang kajian

kesusasteraan Melayu tradisional?





1.6 Kepentingan Kajian

1.6.1 Individu

Kajian ini memberikan pengetahuan dan maklumat tentang definisi, konsep, fungsi dan kepentingan unsur magis yang terdapat di Alam Melayu khususnya yang terdapat dalam hikayat Melayu tradisi. Penulisan ini juga merupakan salah satu usaha untuk memartabatkan semula kecintaan terhadap kesusasteraan Melayu tradisional khususnya prosa Melayu klasik sebagai khazanah warisan bangsa. Generasi kini lebih didedahkan dengan wacana budaya popular yang kurang nilai sentimental dan bersifat *instant* dengan menggunakan kecanggihan gajet sebagai perantara. Kajian seperti ini sekurang-kurangnya dapat menarik kembali rasa kecintaan kepada akal budaya dan jati diri Melayu yang sebenar melalui pembacaan semula hikayat Melayu tradisional. Kehebatan suatu bangsa adalah bersandarkan cerminan akal budi yang dibawa daripada konteks tradisi hanya terdapat dalam karya kesusasteraan Melayu tradisional khususnya hikayat. Bangsa yang hebat dan bertamadun adalah bangsa yang tidak pernah meninggalkan kesusasteraan bangsanya terutama kesusasteraan Melayu tradisional.



1.6.2 Masyarakat

Melalui kajian ini masyarakat akan mendapat sedikit gambaran tentang ilmu kesusasteraan tradisi khususnya tentang naratif hikayat-hikayat Melayu yang pada awalnya hanya menggunakan sumber medium lisan. Masyarakat Melayu kontemporari akan lebih menghargai keunikan kehidupan masyarakat Melayu tradisi apabila masyarakat sedar kesusasteraan tidak pernah lapuk sekaligus mati walhal sentiasa hidup sepanjang zaman. Kajian seperti ini juga boleh dijadikan rekod kepada generasi seterusnya dalam usaha pengumpulan semula hikayat-hikayat Melayu lama sebagai gedung khazanah budaya bangsa.



1.6.3 Institusi

Kajian ini turut memberikan impak kepada institusi terutamanya pihak universiti sekiranya kajian ini berjaya dilaksanakan. Kajian ini akan menjadi panduan kepada pengkaji yang seterusnya dalam usaha memartabatkan bidang kesusasteraan Melayu tradisional. Pengkajian seterusnya dapat dilakukan berdasarkan tinjauan literatur daripada kajian ini. Kajian ini juga boleh dijadikan perintis kepada kajian yang berunsurkan magis dalam pengolahan genre hikayat-hikayat Melayu walaupun tajuk atau teks yang digunakan dalam pengkajian seterusnya itu berbeza. Kajian ini juga dapat menarik minat pelajar-pelajar jurusan kesusasteraan di peringkat universiti-universiti awam untuk melakukan penyelidikan berkaitan hikayat-hikayat Melayu tradisional.

1.6.4 Negara

Kajian ini berupaya memberikan hasil kepada negara apabila penulisan ini dirujuk oleh pengkaji-pengkaji luar. Malaysia akan menjadi gedung kebudayaan Melayu yang menyimpan rakaman khazanah budaya bangsa Melayu. Kajian ini merupakan satu bentuk rakaman manifestasi khazanah warisan bangsa melalui bidang kesusasteraan Melayu tradisional berfokuskan genre hikayat. Hikayat ini menyentuh aspek kepercayaan masyarakat Melayu pada peringkat awal berkaitan magis serta kebergantungan kepercayaan masyarakat Melayu bersandarkan alam. Proses terjemahan kepada bahasa yang berbeza juga memudahkan peralihan budaya atau silang budaya (*cross culture*) dan perantaraan ilmu dapat dilakukan dengan baik.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya memfokuskan kepada unsur-unsur magis yang terdapat dalam tiga hikayat pilihan, iaitu Hikayat Gul Bakawali (HGB), Hikayat Marakarmah (HM) dan Hikayat Indera Nata (HIN) yang boleh memberikan kesan kelegaan jiwa. Huraian tentang unsur-unsur magis yang terdapat dalam hikayat ini dikaitkan dengan penggunaan cadangan model GTRFK yang meneliti gaya bahasa pengarang berdasarkan empat emosi rasa, iaitu rasa kasih (berahi) (EK), rasa sedih (duka) (ES), rasa hairan (takjub) (EH) dan rasa wira (bertenaga) (EW) yang dianggap dominan dalam teks kajian. Kesan emosi yang hadir ini dapat memberikan gambaran keindahan yang memenuhi fungsi hiburan melalui proses peleraian emosi kepada kesan rasa 'lega' dalam jiwa khalayak.

1.8 Definisi Operasional

Istilah-istilah di bawah ini adalah terma-terma yang terdapat pada tajuk kajian. Istilah-istilah ini perlu didefinisikan bagi memudahkan pemahaman pengkaji terhadap kajian yang akan dilaksanakan dan proses menganalisis data. Definisi operasional akan dilakukan berdasarkan pentarikfan kepada terminologi berikut: -





1.8.1 Unsur

Unsur ialah bahagian penting kepada sesuatu dan komponen kumpulan manusia (<https://ms.facts-news.org>). Unsur melibatkan struktur dalaman, kandungan, perkaitan dan berasaskan kepada sesuatu perkara atau bahan (<https://prpm.dbp.gov.my>). Unsur merujuk kepada istilah komponen, bahagian, kategori dan elemen yang terdapat pada sesuatu perkara atau benda. Komponen ialah bahagian yang menjadikan sesuatu itu lengkap dan sempurna. Bahagian pula ialah pecahan daripada sesuatu perihal atau benda. Kategori ialah bahagian dalam sesuatu sistem klasifikasi kumpulan berdasarkan ciri-ciri tertentu. Elemen ialah sesuatu yang menjadi bahagian dalam sesuatu keseluruhan unsur. Unsur pula merupakan bahagian terkecil daripada sesuatu benda (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Penelitian unsur berdasarkan takrifan ini dalam kajian memfokuskan kepada bahagian terkecil berkaitan magis yang terdapat dalam hikayat tradisional Melayu yang boleh menjadikan sesuatu emosi itu lengkap dan sempurna serta memberikan kesan katarsis.

1.8.2 Magis

Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) memberi definisi bagi terminologi magis sebagai unsur luar biasa yang mengandungi keupayaan tersembunyi atau ghaib. Anuar Ridhwan dalam Muhammad Syukri Masehood dan Zubir Idris (2018) menerangkan kebolehan seseorang yang boleh melakukan magis dikaitkan dengan orang yang mempunyai pengetahuan dan ilmu berkaitan unsur luar biasa. Unsur ghaib ini terjadi apabila berlakunya pertembungan dan keselarian antara kebudayaan Hindu dan agama Islam





yang membentuk magis serta kegiatan yang berupa magis. Nor Huda Ahmad Razali dan Bazrul Bahaman (2018) turut mengulas aspek luar biasa, ajaib dan gharib yang terdapat dalam teks lipur lara yakni unsur yang dieksploitasi pengarang tradisi bagi mengurangkan tekanan emosi dan memberikan kelegaan jiwa kepada masyarakat. Hal ini kerana, dengan mengeksploitasi unsur yang berada di luar jangkauan akal fikiran mampu memanjangkan imaginasi khalayak yang terbelenggu dengan aktiviti harian yang berulang saban hari. Maksudnya, dengan menciptakan sebuah dunia yang berbeza dengan realiti ini berupaya mengurangkan '*sense of anxious*' dalam diri masyarakat yang terikat dengan konteks persekitaran tradisi.

Hasil penelitian berdasarkan beberapa pernyataan pengkaji berkaitan terminologi magis, kajian ini menerima definisi konsep magis yang dikemukakan oleh Nor Huda Ahmad Razali dan Bazrul Bahaman (2018) sebagai landasan kepada huraian berkaitan unsur magis dan katarsis dalam kajian ini.

1.8.3 Katarsis

Katarsis ialah kelegaan emosi dan perasaan, iaitu kelegaan daripada ketegangan dan pergolakan batin serta suatu bentuk proses pengubatan yang digunakan bagi meluahkan perasaan pesakit berhubung dengan pengalaman buruk yang terpendam dengan mengulangi pengalaman itu melalui pertuturan dan perbuatan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Maksud katarsis menurut *Advanced Learner's Dictionary of Literary Terms* menjelaskan istilah ini membawa pengertian *purgation*, iaitu pembersihan. Pengertian tentang istilah katarsis yang membawa pengertian pembersihan ini turut





dijelaskan oleh *Collins Dictionary* dalam Peter (1999) dalam artikelnya yang berjudul *An Introduction to Catharsis and The Healing Crisis in Reflexology* yang menjelaskan katarsis sebagai *the purging or purification of emotions, or psychoannal method use of bringing repressed ideas or experiences to consciousness so underlying tensions maybe relieved and purifying*. Kettles (1995) dalam artikelnya yang berjudul *Catharsis: A Literature Review* turut menyokong katarsis sebagai suatu proses yang melibatkan emosi.

Esta Powell (2007) menjelaskan *catharsis has been recognized as healing, cleansing and transforming experience throughout history, and has been used in cultural healing practices, literature, drama, religion, medicine and psychology*.

Perkataan katarsis didapati daripada perkataan Greek yang diterjemahkan sebagai pembersihan atau penyucian. Kebanyakan pendapat tentang katarsis ini meletakkan

katarsis kepada dua aspek, iaitu aspek emosi (proses ekspresi kekuatan emosi) dan aspek kognitif, iaitu sesuatu yang bersifat (dalaman, ketidaksedaran kepada proses sedar) yang mendatangkan kesan perubahan yang positif. Peter John Hawkins (1986) dalam *Catharsis in Psychotherapy* juga turut menerangkan istilah katarsis diperoleh daripada perkataan Greek yang bermaksud untuk membersihkan dan menyucikan.

Catharsis is that of emotional discharge which brings relief to emotional tension, and a concomitant or consequent change in the individual's state of being, with appropriate

emphasis given to somatic, psychological or spiritual dimensions. Katarsis ialah perubahan emosi yang membawa kelegaan kepada tekanan emosi dan menunjukkan perubahan kepada dimensi somatik, psikologi dan spiritual. Terminologi istilah somatik berkaitan dengan sesuatu yang berkaitan dengan badan dan berlawanan dengan minda

(<https://dictionary.cambridge.org/>).



Matthew Strohl (2018) dalam *Art and Painful Emotion* menjelaskan *the experience of painful emotion in response to artwork according to catharsis view can in some manners purge or release a negative emotion that the subject experience (or suppressed) prior to engaging with the work*. Pengalaman melalui emosi yang pedih sebagai suatu tindak balas kepada karya seni berdasarkan perspektif katarsis pada suatu sudut dapat melegakan serta meleraikan emosi-emosi yang negatif. Jeffrey M Lohr dan Thomas G Adams (2015) pula menerangkan dalam artikel yang berjudul *Catharsis (Abreaction)* menyatakan *catharsis also played a role in ancient religious and magical healing practices where venting negative emotions was the calling out of evil spirits processing the body*. Katarsis memainkan peranan dalam kebudayaan dan tradisi lama sebagai suatu proses mengeluarkan emosi-emosi serta semangat yang negatif keluar daripada menguasai tubuh manusia.

Berdasarkan beberapa pernyataan mengenai terma katarsis, katarsis ialah suatu bentuk kelegaan yang berkait dengan proses peleraian emosi. Kajian ini menggunakan konsep katarsis yang dikemukakan oleh Esta Powell (2007), iaitu katarsis sebagai proses penyembuhan *healing process* dengan mentransformasikan emosi kepada bentuk pengalaman keindahan dalam karya kesusasteraan. Proses transformasi pengalaman dilihat daripada dua sudut pandangan. Pertama, daripada perspektif pengarang membawa masuk pengalaman bersama segala korpus emosi rasa yang ditanggung ke dalam karya. Kedua, transformasi daripada sudut khalayak yang merasakan pengalaman pengarang yang akrab dengan dirinya dengan cara meleburkan diri di dalam karya membawa kepada watak yang dibina oleh pengarang. Proses transformasi pengalaman dalam bentuk emosi melalui bahasa-bahasa emosi yang dikesan memberikan kesan kelegaan kepada jiwa khalayak.



1.8.4 Hikayat

Hikayat terkandung dalam genre prosa. Bentuk hikayat lebih kepada sebuah penceritaan dalam versi yang panjang dan menggunakan cerita secara lisan sebagai medium penyampaian. Hikayat menepati format penceritaan lisan, iaitu diterima daripada generasi sebelumnya secara hafalan. Hikayat berasal daripada bahasa Arab yang membawa maksud cerita. Hikayat dalam bahasa Inggeris merujuk kepada istilah *narrative*, *story* dan *tales*. Hikayat dalam konteks penceritaan secara lisan ini dibaca secara kuat dalam bentuk hafalan dan menggunakan pendengaran sebagai medium penerimaan oleh masyarakat Melayu tradisional. Kesusasteraan Melayu tradisional mempunyai dua bentuk, iaitu tradisi lisan (*oral tradition*) dan tradisi tulisan (*preliterate*). Istilah hikayat lebih diterima dalam sastera tulisan. Konsep hikayat dalam tradisi tulisan ini dirujuk sebagai cerita dalam konteks sastera lisan. Penggunaan hikayat terhadap cerita-cerita lipur lara dibuat setelah terdapat sistem tulisan.

Siti Hawa Haji Salleh (2010) memberikan takrifan berkaitan hikayat. *The term hikayat used in a variety traditional Malay literature comprises various varieties of meaning. To the author and the Malay community, the term hikayat does not contain any other meaning apart from stories, tales, biographies, and others. This term does not attempts to describe what is being related except after full tittle is seen... It is clear that, the term hikayat in the tittle of a work gives an indication that the story is created in the form of prose.* Hikayat mengandungi pelbagai takrifan. Hikayat dalam konteks masyarakat Melayu melibatkan cerita. Cerita-cerita ini tercipta dalam bentuk prosa. Hikayat berdasarkan kenyataan ini adalah cerita berkaitan peristiwa dan latar belakang tokoh.





Rahman Shaari (1987) hikayat membawa maksud cerita lama yang dianggap sebagai cabang kesusasteraan Melayu lama. Hikayat memuatkan cerita-cerita istana raja dan memfokuskan kepada peristiwa luar biasa dan perwatakan luar biasa. Hashim Awang (1989) pula memberikan takrifan kepada konsep hikayat sebagai kata nama atau perbuatan yang bermakna cerita, kisah, naratif dan lagenda. Siti Hawa Haji Salleh (2006) hikayat yang bersifat hiburan lebih berselindung di sebalik cerita-cerita pengembaraan, percintaan, peperangan dan sebagainya dalam menyampaikan sifat-sifat mulia dengan bentuk yang tidak langsung.

Hasil tinjauan beberapa pernyataan ini, kajian ini menerima pandangan Rahman Shaari (1987) berkaitan hikayat sebagai genre yang menceritakan pengkisahan raja dengan pemerian kepada peristiwa dan perwatakan luar biasa melalui unsur magis yang terdapat pada hikayat.



1.9 Rumusan

Bab pendahuluan ini mengupas aspek latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop dan batasan kajian serta kepentingan kajian yang secara dasarnya menjadi indikator penting dalam menjelaskan kajian dalam bab-bab yang selanjutnya. Bab pengenalan ini juga menerangkan kajian berkaitan unsur magis yang terdapat di dalam hikayat pilihan zaman transisi serta kaitan penggunaan gaya bahasa pengarang melalui cadangan model GTRFK bagi menampilkan kesan katarsis. Konklusinya, bab ini ialah idea awal dan merupakan perintis kepada perkembangan gagasan idea dalam pembangunan bab yang berikutnya. Penelitian terhadap bab ini juga dapat memberi gambaran secara keseluruhan tentang kajian yang ingin dilaksanakan.

